

*Artikel Penyelidikan*

# Irama muzik kercong: Warisan seni muzik Melayu yang kian dilupakan.

Advent Juris<sup>1</sup>, Azizul Hakim Hazmi @ Azmi<sup>2</sup>, Ezza Rafezziawati Kamal Rafezzi<sup>3</sup> dan Jafalizan Md Jali<sup>4\*</sup>.

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik , UiTM Cawangan Selangor; [2021828976@student.uitm.edu.my](mailto:2021828976@student.uitm.edu.my)

<sup>2</sup> Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik , UiTM Cawangan Selangor; [2021846756@student.uitm.edu.my](mailto:2021846756@student.uitm.edu.my)

<sup>3</sup> Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Penajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; [ezza46@uitm.edu.my](mailto:ezza46@uitm.edu.my)

<sup>4</sup> Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Penajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; [jafalizan@uitm.edu.my](mailto:jafalizan@uitm.edu.my);  0009-0009-7236-9863

\* Correspondence: jafalizan@uitm.edu.my; +6019205 5563.

**Abstrak:** Muzik kercong merupakan salah satu seni muzik tradisional Melayu yang didendangkan pada awal tahun 1970-an lagi dan sehingga kini masih lagi didengari segelintir rakyat Malaysia. Dikatakan bahawa muzik kercong ini merupakan pengaruh yang dibawa oleh negara seberang di Indonesia ke Malaysia sewaktu penjajahan orang Belanda berlaku di negara mereka. Irama muzik kercong ini juga mengetengahkan lirik lagu yang mempersempahkan sebuah penceritaan yang berunsurkan elemen alam, nasihat dan juga kisah daripada penulis lagu itu sendiri. Artikel ini berpaksikan daripada pembacaan di akhbar, sumber internet dan sesi temu bual bersama dua tokoh muzik kercong iaitu Raftah Bachik dan Mariam Ahmad. Hasil kajian ini boleh dijadikan sebagai satu bahan rujukan ilmiah kepada peminat seni lagu muzik kercong serta bacaan kepada yang ingin mengetahui tentang seni muzik kercong dan penerimaan muzik ini terhadap masyarakat Malaysia.

*Kata kunci:* muzik kercong, seni muzik, muzik tradisional, Raftah Bachik, Mariam Ahmad.

DOI: 10.5281/zenodo.10910142

---



**Copyright:** © 2024 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

---

## 1. PENGENALAN

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan muzik ini berasal daripada bahasa Inggeris. Muzik membawa erti gubahan bunyi yang menghasilkan bentuk dan irama yang indah dan menyenangkan. Kercong pula di definisikan sebagai lagu atau irama rentak lama muzik Melayu menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga. Kercong adalah genre muzik yang berakar dari Jawa, Indonesia. Walaupun bukan berasal dari sana, kercong telah tersebar ke pelbagai negara termasuk Malaysia dan mempunyai peminat yang cukup besar di sini. Di Malaysia, muzik kercong mempunyai pengaruh yang kuat terutamanya di kalangan komuniti Melayu. Genre ini diperkenalkan ke Malaysia pada awal abad ke-20 oleh para imigran Jawa yang membawa warisan budaya mereka. Kercong Malaysia biasanya mempunyai sentuhan khas Malaysia, dan lirik lagu kercong sering kali ditulis dalam bahasa Melayu.

Berdasarkan kenyataan daripada Matusky dan Tan (2017), muzik di Malaysia terdapat pembahagian kepada tiga kategori iaitu muzik popular dan kontemporari, muzik klasik, muzik rakyat dan muzik sinkretik. Muzik asli ini termasuk dalam muzik sinkretik dan bukan sahaja dalam kategori muzik rakyat ataupun muzik klasik. Laman sesawang Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara (JKKN), muzik asli ini adalah irama tradisional Melayu seperti asli, inang, joget, zapin dan sebagainya diiringi dengan nyanyian. Alat muzik yang digunakan pula adalah gendang, rebana, serunai, seruling, biola, akordion, tamborin dan gong. Mengikut sejarahnya, irama muzik asli mula berkembang di negeri Perlis sekitar tahun 1970-an dan terus mendapat sambutan hangat sehingga kini. Kumpulan yang mendendangkan muzik asli ini diundang dalam persembahan seperti majlis-majlis keramaian dalam kenduri kahwin, kenduri berkhatan, acara menyambut pemimpin dan sebagainya.

Lagu Melayu Asli juga sering menjadi medium dalam memperkenalkan salah satu daripada khazanah dalam muzik tradisional Melayu. Terdapat kenyataan daripada Datuk Norliza Rofli, Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) mengatakan jika masyarakat di negara Itali mengangkat muzik opera dan klasikal mereka disana, lagu Melayu Asli di tanah air juga sepatutnya diangkat sebagai khazanah yang perlu menjadi kebanggaan kita rakyat Malaysia. Biduan negara, Allahyarham Tan Sri S.M. Salim pernah menyuarakan untuk mempelbagaikan usaha memelihara lagu Melayu Asli, kerana terdapat kekurangan khazanah atau peninggalan untuk dibawa kepada generasi baru tentang nyanyian lagu Melayu Asli (AstroAwani, 2013).

## 2. PERMASALAHAN KAJIAN

Seni muzik kercong di Malaysia menghadapi pelbagai cabaran yang menyebabkan kurangnya penghargaan dan pemahaman dari masyarakat. Pertama, adalah jelas bahawa ramai tidak mengetahui tentang kewujudan seni muzik kercong, mungkin disebabkan oleh kurangnya pendidikan dan promosi di kalangan masyarakat. Irama asli itu harus diwarisi generasi muda baik di Indonesia atau pun Malaysia kerana kercong bukan muzik untuk orang tua (Hetty Koes Endang, 2015). Kedua, walaupun seni ini wujud, jarang didengari oleh masyarakat, terutama dengan dominasi aliran muzik moden yang mengalah perhatian dari muzik tradisional. Irama ini tidak mendapat ruang yang luas seperti pop, rock atau balada, padahal ia antara irama warisan yang perlu dihargai (Nazrul Asraff Mahzan, 2023). Ketiga, seni muzik kercong kurang mendapat penghargaan yang sepatutnya, mungkin kerana kurangnya sokongan formal dan promosi dari pihak berkuasa. Jika tiada usaha memartabatkan irama muzik kercong, tidak mustahil kercong yang suatu ketika dahulu cukup diminati, bakal lenyap ditelan zaman (Yusni Hamid, 2023).

Kajian berkaitan seni muzik kercong sangat penting untuk memahami, merakam, dan melestarikan warisan budaya yang berharga ini. Melalui kajian ini, kita dapat mengeksplorasi akar budaya dan nilai-nilai yang terkandung dalam seni muzik kercong, serta mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan kurangnya apresiasi di kalangan masyarakat. Selain itu, kajian dapat memberikan pandangan mendalam tentang cara mempromosikan dan melestarikan seni muzik kercong agar dapat diwarisi oleh generasi masa depan. Dengan melakukan kajian ini, kita dapat membangkitkan kesedaran akan keunikan dan keindahan seni kercong, serta mewujudkan langkah-langkah konkret untuk memastikan kesinambungan dan penghargaan terhadap warisan budaya yang berharga ini di dalam masyarakat kita.

## 3. OBJEKTIF KAJIAN

- 3.1 Mengkaji seni muzik kercong di Malaysia.
- 3.2 Mengenal pasti cabaran dalam seni muzik kercong di Malaysia.

3.3 Mengenalpasti strategi untuk memartabatkan seni muzik kercong di Malaysia.

#### **4. PERSOALAN KAJIAN**

4.1 Apakah itu seni muzik kercong di Malaysia?

4.2 Apakah cabaran yang dihadapi seni muzik kercong di Malaysia?

4.3 Bagaimanakah cara untuk memartabatkan seni muzik kercong di Malaysia?

#### **5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN**

Kajian yang dijalankan ini mempunyai faedah-faedah berguna sebagai sumbangan terhadap perkembangan ilmu dalam bidang seni muzik di Malaysia. Maklumat yang diperoleh mampu memberikan corak perubahan tentang seni muzik khususnya muzik kercong kepada agensi, organisasi, masyarakat dan juga negara agar warisan seni muzik ini akan kekal terpelihara bagi generasi masa hadapan.

Demi kelangsungan melodi indah itu, perlu ada inisiatif diambil pihak bertanggungjawab untuk menyuburkan kercong, termasuk mempromosikan irama itu secara berterusan (Yusni Hamid, 2023). Organisasi yang mempunyai peranan penting dalam memelihara warisan seni di Malaysia seperti Konsortium Industri Rakaman Muzik Malaysia (IRAMA) akan mendapat maklumat bahawa muzik kercong ini adalah seni muzik yang kini semakin dilupakan dan pelbagai usaha untuk mendapatkan perhatian daripada masyarakat perlu dilaksanakan dengan segera. Badan-badan organisasi ini juga boleh melakukan kerjasama bersama kerajaan di bawah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) serta Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya agar usaha untuk mengembalikan muzik kercong sebaris dengan pelbagai genre muzik zaman kini dapat direalisasikan. Melalui pembacaan dari kajian ini, mereka dapat membentuk pelan atau strategi untuk mempromosikan muzik kercong ini agar didendangkan berterusan kepada seluruh pendengar rakyat Malaysia.

Melalui pengetahuan yang dikongsikan juga, masyarakat akan mendapat pengetahuan tentang muzik kercong di Malaysia. Masyarakat pada zaman ini jelas sekali tidak kenal lagu-lagu muzik kercong kerana ia dahulu merupakan dendangan masyarakat pada tahun 1970-an. Pada zaman ini mereka tiada pendedahan tentang genre tersebut kerana kurang mendengar lagu-lagu kercong melalui medium seperti di kaca televisyen, perisian atau aplikasi di telefon pintar dan juga di radio. Diharapkan masyarakat Malaysia dapat mengambil peluang melalui pembacaan ini untuk mendalami serta menghargai muzik tradisional yang tidak mendapat penghargaan sebagaimana genre muzik yang lain.

Seni muzik adalah khazanah penting negara yang perlu dipelihara dan dimartabatkan agar ia tidak hilang atau dilupakan oleh generasi hari ini dan akan datang. Sesebuah negara bertamadun dibentuk oleh seni dan budaya yang berkembang mekar, dengan sumbangan hebat dan berinovasi yang membangkitkan kualiti terbaik dalam diri manusia (Tun Dr Mahathir Mohamad, 2019). Dalam pembacaan kajian ini juga, negara akan lebih memartabatkan muzik kercong sebagai seni muzik tradisional di Malaysia yang sememangnya perlu mempunyai langkah drastik dalam memastikan ia menjadi sebuah khazanah seni muzik dengan keunikan yang istimewa.

#### **6. TINJAUAN LITERATUR**

##### **Warisan Budaya**

Malaysia memiliki warisan budaya yang kaya dan beragam dan mencerminkan campuran budaya, tradisi dan sejarah yang pelbagai. Menurut Kementerian Komunikasi perkataan warisan adalah berkaitan dengan sesuatu yang diterima secara turun-temurun oleh seseorang ataupun sesuatu kelompok masyarakat daripada generasi yang terdahulu. Ianya menggambarkan memori kepada keseluruhan kehidupan sesuatu bangsa yang melambangkan ketamadunannya. Menurut Kamus Dewan edisi keempat, perkataan budaya membawa erti, pada tamadun ataupun peradaban.

Warisan budaya merujuk pada warisan yang berasal dari tradisi, sejarah, dan kebudayaan suatu masyarakat atau kelompok manusia. Ini merangkumi semua aspek dari pengetahuan, kepercayaan, nilai-nilai, adat istiadat, bahasa, seni, seni bina dan teknologi yang diwariskan dari generasi ke generasi. Warisan budaya juga mencerminkan identiti sesuatu masyarakat dan menjadi bahagian integral dari kehidupan sehari-hari mereka. Warisan budaya boleh wujud dalam bentuk secara fizikal seperti bangunan bersejarah, artifak dan artifak seni serta dalam bentuk praktik, ritual, cerita rakyat dan bahasa. Warisan budaya penting dalam melestarikan warisan budaya sesebuah masyarakat serta memahami asal-usul, nilai-nilai, dan tradisi yang membentuk suatu budaya itu. Warisan yang dimiliki perlu diberikan perlindungan sewajarnya supaya dapat dinikmati generasi seterusnya. Kerajaan telah menggubal Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) untuk memberi perlindungan yang wajar dan komprehensif kepada warisan negara (Yusoff, M. Y. M., & Hanafiah, M. G. (2015)


### **Muzik Keroncong**

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan muzik ini berasal daripada bahasa inggeris. Muzik membawa erti gubahan bunyi yang menghasilkan bentuk dan irama yang indah dan menyenangkan. Muzik di Malaysia mencerminkan keberagaman budaya negara tersebut, yang merupakan hasil dari campuran etnik, tradisi, dan pengaruh luar yang berbeza. Malaysia, sebuah negara yang kaya akan budaya, menawarkan berbagai genre muzik yang mencerminkan keberagaman etnik, tradisi, dan pengaruh luar yang unik. Salah satu muzik tradisional yang terdapat di Malaysia ialah muzik kerongcong.

Berdasarkan kenyataan dari laman sesawang Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, dikatakan bahawa kerongcong ialah sejenis seni muzik yang dibawa dari negara Indonesia. Muzik kerongcong ini dipercayai mula diperkenalkan di semenanjung Tanah Melayu pada akhir abad ke-19 apabila ramai pekerja buruh dari Indonesia dari Pulau Jawa berhijrah ke Malaysia untuk mencari pekerjaan. Berdasarkan sebuah kenyataan dari Skelchy R.P., penyanyi kerongcong Waldjinah menyatakan bahawa kerongcong ialah muzik menggunakan alat bertali dari Indonesia dengan menaiki kapal Portugis yang membawa pedagang dan hamba dan beberapa sarjana mendakwa bahawa kapal pertama ini tiba di pantai utara Jawa seawal abad ke-16. Penduduk dari Jawa juga telah membawa bersama kesenian mereka seperti seni muzik gamelan, kerongcong, muzik untuk wayang kulit, kuda kepang, barongan, hamdolok, katoperak dan sebagainya. Kawasan-kawasan yang terdapat banyak kegiatan muzik kerongcong ini berada di kawasan yang mempunyai ramai orang keturunan Jawa seperti di negeri Johor, pantai barat negeri Selangor dan Perak. Permulaannya, lagu-lagu kerongcong yang dimainkan oleh orang tempatan adalah lagu-lagu dari Indonesia. Selepas peristiwa perang dunia kedua, terdapat pencipta lagu tempatan yang telah mencipta lagu-lagu kerongcong bercorak Melayu seperti Zubir Said, Ahmad Jaafar, P. Ramlee, Mohd. Wan Yet, Johar Bahar, Sudar Mohammad, Zainal Ibrahim, Mahzan Manan serta Ariff Ahmad.

### **Kajian Literatur**

Muzik Keroncong adalah genre muzik yang memiliki akar budaya Jawa yang kuat, tetapi telah berkembang dan meresap ke dalam berbagai budaya di Indonesia dan wilayah Asia Tenggara lainnya. Menurut Ririn Darini (2012) dalam artikelnya, 'Keroncong: Dulu dan Kini', musik keroncong merupakan jenis muzik khas Indonesia meskipun instrumen muziknya berunsurkan diatonis barat. Muzik keroncong juga memiliki sejarah dan pengaruh yang penting di Malaysia. Di Malaysia, keroncong dikenal dengan nama "Keroncong Asli" atau "Keroncong Langgam." Ini adalah variasi daripada muzik keroncong yang telah diadaptasi dan diterima dengan cara yang unik oleh masyarakat Malaysia. Antara jenis-jenis instrumen yang banyak digunakan dalam muzik keroncong ialah ukulele, gitar dan juga accordian. Lirik dalam keroncong Malaysia sering kali menggunakan bahasa Melayu dan menggambarkan tema-tema seperti cinta, kehidupan sehari-hari dan nostalgia. Lirik ini mencerminkan budaya dan nilai-nilai masyarakat Melayu di Malaysia. Berikut merupakan hasil tinjauan literatur yang telah dibuat dan dicari oleh penyelidik dalam kajian berkenaan muzik keroncong di Malaysia:




Rajah 1: Pencarian Google

Berdasarkan carian dalam *Google*, terdapat beberapa carian yang berjaya dicapai berkaitan dengan muzik keroncong. Namun demikian, maklumat mengenai sejarah awal muzik keroncong di Malaysia secara ilmiah dilihat masih kurang. Carian di Google mempunyai jumlah yang paling banyak sekali berbanding melalui *Online Finding Aids* (OFA) dan di *Youtube* dengan jumlah sebanyak 710,000 carian. Maklumat berkaitan dengan muzik keroncong di Malaysia hanya berjaya dijumpai dalam laman Blog dan maklumat ini masih boleh menyebabkan kekeliruan kepada mereka yang ingin mengkaji muzik keroncong di Malaysia.

Rajah 2: *Online Finding AID* (OFA)

Melalui pencarian bahan Arkib, berkaitan dengan muzik kerongcong yang terdapat dalam Online Finding AID (OFA) hanya mempunyai 68 carian sahaja. Hal ini menunjukkan, bahawa maklumat berkaitan dengan muzik kerongcong yang ada di Arkib juga sangat terhad dan sesetengah bahan itu juga sukar untuk di akses secara maya. Maklumat diberi dalam OFA ini pun kebanyakannya audio yang sangat membataskan pengkaji untuk membuat kajian berkaitan muzik kerongcong di Malaysia.



Rajah 3: Pencarian *Youtube*

Berdasarkan carian berkaitan video muzik kerongcong yang terdapat di Youtube, jumlah yang terdapat ialah sebanyak 86,600 sahaja. Tetapi sumber video yang diberikan untuk dijadikan sebagai alat kajian itu sangat sedikit, dan kebanyakkan video yang diberikan hanyalah berfokuskan tentang album penyanyi itu sahaja. Hal ini membuatkan para pengkaji, dalam mendapatkan maklumat berkaitan dengan sejarah muzik kerongcong di Malaysia sangat terbatas.

## 7. METODOLOGI

Kaedah sejarah lisan yang digunakan sepanjang kajian ini adalah pendokumentasian lisan iaitu kaedah menemu bual bersama dengan dua orang tokoh bagi mendapatkan pengetahuan tentang muzik kerongcong di Malaysia.

Tokoh utama ialah seorang penyanyi veteran pada tahun 1970-an yang membawakan irama muzik kerongcong dan muzik Melayu asli iaitu Sity Ramlah Binti Md Sotan atau Raftah Bachik. Beliau dilahirkan pada 18 Februari 1949 di Pelabuhan Klang, Selangor. Beliau mula meminati muzik apabila mula mengikuti kumpulan muzik yang dianggotai oleh bapa saudaranya, Bachik bin Abdul Hamid yang merupakan seorang pemuzik. Beliau pernah menyertai pertandingan bersempena Bulan Bahasa Kebangsaan Daerah Klang dan pertandingan nyanyian di RTM, Bintang Radio bagi kategori Asli dan johan dalam pertandingan itu pada tahun 1964. Beliau juga menyertai kumpulan muzik, Orkes Rangkaian Hati, The Fabulous Storm dan kugiran Keretapi Tanah Melayu (KTM) sebagai penyanyi bersama arwah suaminya, Ahmed Bakhri Mohd Darus. Beliau pernah dianugerahkan sebagai Tokoh Seni Budaya Wanita Selangor pada tahun 2007 serta menerima Pingat Jasa Bakti pada 14 Disember 2002 oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj. Beliau telah menerima Tokoh Seni Budaya Negeri Selangor daripada Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, negeri Selangor (JKKN Selangor) pada tahun 2016.



Gambar 1: Tokoh utama, Sity Ramlah Binti Md Sotan atau Raftah Bachik

Tokoh kedua, Mariam Binti Ahmad atau Mariam Ahmad dipilih melalui perkongsian daripada tokoh pertama itu sendiri. Raftah Bachik mencadangkan Mariam Ahmad sebagai orang yang menepati kriteria untuk dijadikan tokoh kedua untuk kajian ini. Beliau juga merupakan seorang penyanyi veteran yang membawa irama kerongcong serta mempunyai harapan agar irama kerongcong ini kekal dikenali dan didengari oleh masyarakat akan datang. Mariam Ahmad tidak banyak mengikuti kumpulan muzik dan bergerak solo melakukan persembahan. Beliau pernah melakukan persembahan nyanyian bersama RTM, kumpulan muzik Angkatan Tentera Malaysia dan juga Orkestra DBKL. Beliau juga tiga kali dinobatkan sebagai juara dalam pertandingan Bintang Radio bagi kategori irama kerongcong pada tahun 1967, 1968 dan tahun 1970.



Gambar 2: Tokoh kedua, Mariam Binti Ahmad

Dalam kajian ini, maklumat tambahan seperti artikel dirujuk melalui laman sesawang Berita Harian, Google Scholar dan universiti awam lain serta perkongsian pengetahuan bersama pegawai di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Selangor yang terletak di Kompleks IDCC, Seksyen 15, Shah Alam, Selangor. Penyelidik telah berjumpa bersama dengan pegawai kebudayaan di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Selangor iaitu Encik Hasmadi Bin Hassan untuk memperoleh maklumat seperti nombor telefon tokoh dan alamat tempat tinggal tokoh utama, Raftah Bachik. Perolehan maklumat ini amat penting sebagai langkah pertama dalam permulaan menjalankan kajian ini.

Prosedur yang dijalankan adalah dengan melaksanakan temubual secara bersemuka di tempat tinggal kedua-dua tokoh masing-masing iaitu rumah Raftah Bachik di Kampung Bukit Kapar, Kapar, Selangor dan rumah Mariam Ahmad di Cheras, Kuala Lumpur. Temubual secara bersemuka ini

dimulakan dengan berjumpa sesi awalan atau *preliminary interview*. Sesi awalan ini bertujuan untuk memperkenalkan diri terlebih dahulu latar belakang penyelidik, memberi ruang untuk tokoh berkenalan dengan penyelidik serta mendapatkan kepastian sama ada kedua-dua tokoh tahu bidang seni muzik kerongcong. Sesi awalan ini memberi penyelidik untuk merangka serta membina soalan bagi mendapatkan lebih pengetahuan berkenaan muzik Melayu asli dan kerongcong di Malaysia dan juga sedikit latar belakang dua tokoh tersebut.

Soalan-soalan yang telah dirangka melalui maklumat diperoleh dari sesi awalan akan digunakan bagi ditanyakan semasa sesi temubual yang sebenar atau *actual interview*. Sesi temu bual tersebut adalah sebaiknya dalam tempoh dua jam bagi tokoh yang pertama manakala tiga puluh minit bagi tokoh yang kedua. Temu bual itu digunakan untuk mendapatkan latar belakang tokoh, pengetahuan muzik kerongcong serta pendapat dan harapan kedua-dua tokoh untuk irama muzik kerongcong di Malaysia.

Temubual yang sebenar (*actual interview*) merakamkan setiap perbualan melalui ‘recorder’ atau menggunakan aplikasi ‘Dolby’ dalam telefon pintar penyelidik untuk membuat rakaman temubual. Rakaman suara yang dirakamkan akan merakamkan jawapan berdasarkan soalan yang ditanyakan oleh penyelidik. Di dalam kajian ini juga dibantu empat orang rakan sekelas dengan tugas untuk memberi peringatan prosedur atau tatacara yang perlu dijelaskan kepada tokoh sebelum merakamkan perbualan, menetapkan ruang yang sesuai untuk rakaman suara dan video sesi temubual serta mengendalikan sebarang situasi yang boleh menjelaskan sesi temubual sedang berlangsung. Segala percakapan dalam rakaman tersebut ditulis sebagai transkrip perbualan kedua-dua tokoh.

## 8. HASIL KAJIAN

Hasil kajian yang terkumpul adalah berdasarkan carian artikel dalam kajian literatur serta daripada temubual bersama dengan tokoh utama, Raftah Bachik dan tokoh kedua, Mariam Ahmad. Hasil kajian mendapat terdapat sejarah muzik kerongcong, jenis-jenis dan perbezaan muzik kerongcong, alat muzik yang dimainkan dalam muzik kerongcong serta cabaran dan harapan muzik kerongcong di Malaysia.

### Sejarah muzik kerongcong

Kajian mendapati bahawa muzik kerongcong ini adalah daripada pengaruh orang Belanda yang memperkenalkan muzik mereka kepada masyarakat di Indonesia sewaktu penjajahan berlaku. Belanda Sejak tahun 1912 seluruh wilayah di Indonesia dijajah Belanda hingga tahun 1942. Walaupun Indonesia mendapat kemerdekaan pada tahun 1945, namun ketika tahun 1942 hingga 1945 Indonesia berada di bawah jajahan Jepun (Hasudungan, 2021). Menurut Raftah Bachik (2024), lagu-lagu kerongcong ini dibawa oleh pemuzik dari Jawa, Indonesia. Komuniti masyarakat Jawa di Kampung Sijangkang, Telok Panglima Garang, Selangor dan juga di Kuala Selangor, Selangor dipercayai mempunyai sejarah dimana muzik kerongcong ini mula diperkenalkan. Seni masyarakat Jawa ini yang membawa irama muzik kerongcong akan tetapi generasi baru masyarakat tersebut kurang lagi menyambung warisan ini. Kata beliau lagi, generasi lama masyarakat Jawa sahaja yang terus mengekalkan warisan seni muzik ini dengan menubuhkan kumpulan muzik mereka sendiri. Menurut Mariam Ahmad (2024), orang Indonesia datang ke tanah Melayu membawa pengaruh seni muzik kerongcong kepada semenanjung. Dikatakan terdapat alunan muzik kerongcong di Kampung Pandan, Kuala Lumpur oleh warga Indonesia yang bermain muzik di waktu malam. Tambah beliau lagi, muzik kerongcong ini dibawa oleh jajahan Belanda. Orang Belanda juga telah membawa muzik kerongcong ini kepada Baba dan Nyonya di Melaka. Kerongcong adalah muzik akulturasi yang muncul melalui pencerobohan negara asing ke Indonesia, terutamanya Portugis dan Belanda (Ganap, 2006).

### **Jenis muzik kercong**

Muzik kercong ini terbahagi kepada tiga jenis iaitu kercong asli, kercong langgam dan kercong stambul. Harmunah (1987) menyatakan terdapat beberapa jenis musik kercong, antaranya ialah kercong asli, stambul, langgam dan lagu ekstra. Kercong asli dinyanyikan dengan alunan suara falsetto iaitu menggunakan nada suara yang tinggi seperti lagu ‘Rindu Malam’. Untuk menyanyikan lagu kercong asli ini, liriknya mempunyai kata pengantar. Kercong langgam adalah lagu kercong moden atau lagu-lagu yang diubah menjadi genre kercong, contohnya penyanyi Hetty Koes Endang menyanyikan lagu ‘Benci tapi rindu’ yang penyanyi asalnya ialah Diana Nasution. Kercong langgam ini merupakan istilah menukar aturan lagu menjadi muzik kercong. Ia juga dikenali sebagai kercong *pop*. Kercong stambul pula lagunya tidak ada korus seperti yang diberitahu oleh Raftah Bachik contoh lagu adalah kercong Kemayoran dari Jakarta, Indonesia iaitu lagu ‘Rasa Sayang he’ (Raftah Bachik, 2024). Mariam Ahmad (2024) menyatakan di Indonesia kebanyakannya penyanyi menyanyikan muzik kercong asli manakala di Malaysia banyak penyanyi yang menyanyikan muzik kercong langgam. Allahyarham Tan Sri P.Ramlee ialah antara penyanyi yang menyanyi kercong langgam dalam filem-filem beliau antaranya lagu ‘Alunan Biola’ dari filem ‘Antara Dua Darjah’ dan lagu ‘Kuala Lumpur’ dari filem ‘Anak Bapak’. Menurut Mariam Ahmad (2024), bunyi ‘uii’ sering diletakkan dalam nyanyian lagu kercong asli.

### **Alat muzik dalam muzik kercong**

Sastrowardoyo (1994) menyatakan bahawa muzik Kercong ialah sejenis muzik yang jiwanya mengandungi sentuhan (rayu) sampai sifat kehidupan sebenar secara langsung dan realistik. Menurut beberapa orang daripada kenyataan pakar yang telah digariskan di atas dapat disimpulkan bahawa muzik Kercong merupakan sejenis muzikal instrumen, penekanan kepada alat muzik gitar ialah objek yang dikaji melalui teknik permainan. Oleh itu, alat muzik yang menjadi ciri khas muzik Kercong ialah ukulele. Peralatan dalam muzik kercong ini terdapat cak, gitar bass dan juga seruling (Mariam Ahmad, 2024). Tambahan lagi daripada Raftah Bachik, peralatan muzik kercong terdapat juga menggunakan gitar O, *ukulele*, akordion dan *banjo*. Alat muzik kercong asli dimainkan sebagai tanda ukur genre muzik kercong terdiri daripada tujuh iaitu biola, seruling, gitar, ukulele, banjo, selo dan kontrabas (Hasudungan, 2021). Menurut Skelchy (2015) Waldjinah menyatakan bunyi keseluruhan irama kercong menggunakan instrumen iaitu dua ukulele Indonesia iaitu cuk dan cak. Cuk dan cak amat penting dalam mencipta irama yang saling berkait, di mana cuk menekankan rentak yang lambat manakala cak menonjolkan rentak yang laju. Kercong asli juga merujuk kepada jenis struktur lagu dan jenis instrumen tertentu yang digunakan. Banyak lagu yang ditulis dalam gaya asli berpegang kepada struktur kord asas bermain dengan instrumen, cuk, cak, cello, gitar, kontrabas, biola dan serunei. Bentuk lagu kercong yang berbeza juga ditakrifkan secara eksplisit yang membezakan ciri-ciri kercong asli, langgam kercong dan stambul.

### **Cabaran muzik kercong menurut tokoh**

Tokoh utama telah berkongsi pendapat beliau tentang cabaran untuk muzik kercong ini mendapat perhatian masyarakat Malaysia kerana pada zaman ini semakin kurang orang yang mengetahui muzik kercong dalam negara. Kehadiran lagu kercong ini jelas dapat dilihat dalam filem-filem Allahyarham Tan Sri P.Ramlee. Ketika itu, golongan masyarakat yang lahir dalam lingkungan tahun 1940 sehingga 1960 sahaja yang mendengar irama muzik ini di radio. Menurut Raftah Bachik (2024), usaha dari pihak penyiaran media massa perlu mengambil langkah untuk memastikan usaha untuk memperkenalkan kembali muzik kercong kepada anak muda terus dilaksanakan. Terdapat program seperti Bintang RTM telah memberi ruang kepada generasi baru untuk menyerlahkan bakat dalam seni muzik kercong, akan tetapi hakikatnya ia masih belum cukup untuk anak-anak muda lebih kenal irama muzik tersebut. Ruangan di televisyen atau radio juga perlu

dijadikan tempat untuk memperkenalkan muzik kercong tetapi ditambah dengan ciri moden dari segi penggunaan alat muzik atau seni kata lagu itu sendiri. Tokoh kedua, Mariam Ahmad (2024) memberi pendapat bahawa kerajaan juga memainkan peranan dalam mencari cara supaya muzik kercong di Malaysia ini terus mendapat pengiktirafan dan peluang untuk didedangkan kepada para pendengar kerana masih ada lagi yang meminati genre muzik ini. Semangat untuk mengekalkan kesenian yang ada dalam negara perlu ada dalam diri seorang pemimpin yang mahukan budaya warisan kekal terpelihara untuk tatapan generasi masa hadapan. Penyanyi zaman ini seharusnya mengambil peluang menjalankan tanggungjawab sebagai anak seni untuk mempelajari muzik kercong serta mempersempahkan kepada khalayak ramai khususnya kepada anak-anak muda.

## 9. KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, muzik kercong ini semakin dilupakan oleh masyarakat Malaysia sendiri. Irama kercong kurang sekali didengari di radio atau dalam rancangan nyanyian di televisyen. Hal ini berlaku kerana genre muzik yang mendominasi seperti rap, rock dan balada menjadi kegemaran pendengar dalam kalangan masyarakat kita hari ini. Mereka tiada pendedahan akan lagu-lagu kercong menyebabkan tiada pengetahuan dan minat untuk mendengar lagu dengan pembawaan yang lemah lembut itu. Berdasarkan petikan artikel dari akhbar Sinar Harian, penyanyi Yusni Hamid berpendapat muzik kercong sangat sesuai untuk didengari setiap lapisan umur jika ia diberi peluang untuk dipromosikan atau didengarkan semula kerana tidak mustahil irama muzik ini boleh kembali popular dan menambat hati orang ramai terhadap irama kercong. Muzik kercong merupakan salah satu warisan negara iaitu lagu klasik Melayu yang terkenal sewaktu era Tan Sri P.Ramlee, Johar Bahar dan Rafeah Buang. Penyanyi zaman ini seharusnya mengambil langkah berani dengan mempelajari serta menyanyikan dalam genre muzik kercong untuk dipersembahkan kepada khalayak masyarakat. Ia merupakan salah satu cara yang menampakkan hasil demi mengembalikan kegemilangan muzik kercong ini sebagai warisan seni muzik tanah air Malaysia.

**Penghargaan:** Syukur Alhamdulillah kerana dengan limpah kurnia-Nya, transkrip temubual ini dapat disiapkan meskipun pelbagai dugaan dan rintangan yang dihadapi. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada En. Jafalizan Bin Md Jali, selaku pensyarah kami bagi semester ini kerana banyak membantu serta memberi tunjuk ajar, semangat dan panduan dalam menjalankan kajian akademik ini. Segala usaha, ilmu dan bantuan beliau telah banyak mengajar kami tatacara untuk menjadi seorang penyelidik yang berketerampilan dan professional.

Ucapan terima kasih juga kepada kakitangan di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Selangor (JKKN) iaitu En. Hasmadi Bin Hassan, pegawai kebudayaan yang banyak membantu serta berkongsi pendapat berkenaan warisan dan sejarah yang terdapat di negeri Selangor. Dengan bantuan beliau, kajian akademik ini mempunyai peluang untuk dijalankan disamping memberi pengetahuan baru tentang kepentingan menjaga warisan yang ada di tanah air kita.

Jutaan terima kasih ditujukan kepada seluruh ahli keluarga kami yang sentiasa memahami masalah yang dihadapi dan tidak pernah jemu bertanya khabar, sokongan serta mengirimkan doa agar perjalanan untuk menjalankan kajian akademik ini berjalan lancar seiring dengan kehendak-Nya.

Terima kasih yang teristimewa kepada tokoh utama kami, Sity Ramlah Binti Md Sotan atau dikenali sebagai Raftah Bachik kerana sudi untuk menjalankan kajian akademik bersama kami dengan berkongsi ilmu tentang muzik kercong dan Melayu asli. Beliau seorang artis yang merendah diri dan lemah lembut. Beliau banyak berkongsi pengalaman beliau sebagai artis veteran ketika tahun 1970-an serta menyatakan pandangan beliau tentang perkembangan muzik kercong ini terhadap masyarakat dalam negara kita. Selain itu, terima kasih juga kepada seorang lagi penyanyi veteran iaitu Mariam Binti Ahmad kerana sudi menjadi tokoh kedua kami untuk menyatakan pandangan tentang muzik kercong di negara kita serta mengukuhkan lagi maklumat yang diperoleh dalam sesi temubual bersama tokoh utama kami.

Tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan yang terlibat sewaktu temubual bersama tokoh utama, Raftah Bachik iaitu Muhammad Akmal Amin Kamarulzaman, Nur Hasmaniera Che Hashim dan Nur Ain Najihah Mohd Zulkifli serta Ammar Azizan yang membantu sewaktu temubual bersama tokoh kedua, Mariam Ahmad. Terima kasih kerana kalian sangat banyak memberi bantuan, cadangan dan sokongan sepanjang sesi temubual kami berlangsung. Terima kasih juga buat rakan-rakan lain dari kelas IM2465ST4, yang sudi berjumpa dengan kami,

memberi sokongan, memberi cadangan yang bernalas serta mendoakan perjalanan kajian akademik kami dapat dijalankan dengan mudah sehingga transkrip temubual ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Sesungguhnya, bantuan dan doa dari kalian sangat besar kepada kami yang hampir putus asa dan akan kami kenang sepanjang hayat.

## RUJUKAN

- Ahmed, I., & Kechot, A. S. (2015). Lagu Melayu asli: Unsur sinkretisme dalam instrumentasi persembahan. *Jurnal Melayu*, 14(2).
- Anggraeni, E., Handayaningrum, W., & Juwariyah, A. (2022). The Creative Process Of Musafir Isfanhari In The Creation Of A Musical Work "Keroncong Keluarga Berencana";. *Jurnal Seni Musik*, 11(1), 70-77. <https://doi.org/10.15294/jsm.v11i1.56608>
- Aqmar Mustaza. (2023, July 10). Jangan benamkan irama keroncong. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/267533/berita/hiburan/jangan-benamkan-irama-keroncong>
- Aziane Binti Minhad. (2007). Cabaran Jabatan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri Selangor (JKKNWS) dalam menjadikan muzik keroncong sebagai identiti negeri Selangor. (No. Terbitan 1000273925) [Tesis Ijazah Sarjana Muda]. Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak.
- Carian Umum. (n.d.). Prpm.dbp.gov.my. Retrieved February 18, 2024, from <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=keroncong>
- Darini, R. (2012). Keroncong: Dulu dan Kini. *Mozaik*, 6(2), 19-31.
- Farihad Shallal Mahmud. (2023, June 16). Promosi keroncong elak irama mati. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2023/06/1115128/promosi-keroncong-elak-irama-mati>
- Fatin Farhana Ariffin. (2022, March 4). 15 persatuan muzik bergabung. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2022/03/929997/15-persatuan-muzik-bergabung>
- Haniffa, M. A., dan Wayu, A. N. A. M., & Mohamad, N. A. Keterangan Lisan Sebagai Sumber Historiografi: Penelitian Awal dalam Kepelbagai Budaya Masyarakat di Malaysia.
- Hasudungan, A. N. (2021). Pelurusan Sejarah Mengenai Indonesia Dijajah Belanda 350 Tahun Sebagai Materi Sejarah Kritis Kepada Peserta Didik Kelas Xi Sman 1 Rupat. *Widya Winayata Jurnal Pendidikan Sejarah*, 9(3), 129–141. <https://doi.org/10.23887/jjps.v9i3.39395>
- Mariam Ahmad. Temubual. Dijalankan oleh Azizul Hakim Bin Hazmi @ Azmi dan Advent Juris. 24 Januari 2024
- Matusky, P., & Tan, S. B. (2017). The music of Malaysia: The classical, folk and syncretic traditions. Taylor & Francis.
- Mazlan, C. A. N., Abdullah, M. H., Arshad, S. F., Abdul Latif, M. K., Mohd Imam, R., & Daud, I. S. (2020). Satu Tinjauan Muzikologi Lagu Melayu Asli. *Jurai Sembah*, 1(2), 14–26. <https://doi.org/10.37134/juraisembah.vol1.2.2.2020>
- Muzik Asli. (n.d.). <https://pemetaanbudaya.jkkn.gov.my/culture/dis/4>
- Muzik Keroncong. (n.d.). <https://pemetaanbudaya.jkkn.gov.my/culture/dis/181>
- Raftah Bachik. Temubual. Dijalankan oleh Azizul Hakim Bin Hazmi @ Azmi dan Advent Juris. 11 Januari 2024
- Rahman, M. K. A., Ching, C. C. S., Saidon, Z. L., Augustine, C., & Saearani, M. F. T. (2016, November). Conference MPAC. In Proceedings of the 2nd International Music and Performing Arts Conference (IMPAC2016) (Vol. 22, p. 24).
- Skelchy, R. P. (2015). If There are Stars in the Sky: Waldjinah and Keroncong in Postcolonial Indonesia (Order No. 3721408). Available from ProQuest Dissertations & Theses Global. (1727611636). <https://ezaccess.library.uitm.edu.my/login?url=https%3A%2F%2Fwww.proquest.com%2Fdissertations-theses%2Fif-there-are-stars-sky-waldjinah-keroncong%2Fdocview%2F1727611636%2Fse-2%3Faccountid%3D42518>

Sukmayadi, Y., Supiarza, H., & Andini, M. (2022). The Learning Stages of Ngroncongi/Undul usuk: Achieving the Original Solo Keroncong Singing Style. *Malaysian Journal of Music*, 11(1), 84–108. <https://doi.org/10.37134/mjm.vol11.1.6.2022>

Supiarza, H., & Sarbeni, I. (2021). Teaching and Learning Music in Digital Era: Creating keroncong music for Gen Z students through interpreting poetry. *Harmonia: Journal of Arts Research and Education*, 21(1), 123–139. <https://doi.org/10.15294/harmonia.v21i1.28585>

Yusoff, M. Y. M. (2018). Pemuliharaan warisan budaya melalui perundangan warisan dan agensi pelaksana di Malaysia. *Jurnal Melayu*, 17(2), 143-159.

Zandra, R. (2015). SEJARAH MUSIK KERONCONG DI SURABAYA. *Imaji*, 12(1). <https://doi.org/10.21831/imaji.v12i1.3634>